

NOTIS PINDAAN KE ATAS PERJANJIAN PELANGGAN SEDIA ADA

NOTIS ini diberikan kepada pelanggan-pelanggan sedia ada AmMetLife Takaful Berhad dimana sijil-sijil Takaful mereka yang berkenaan produk-produk Takaful akan dipinda untuk menggabungkan Fasal Privasi yang disediakan di dalam jadual dibawah.

Pindaan akan berkuatkuasa menurut penguatkuasa Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 pada 15 November 2013.

PRIVASI

1. Anda dengan ini mengesahkan bahawa anda telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi (yang terdapat di www.ammetylifetakaful.com) dan fasal yang dinyatakan disini, yang mungkin berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi anda. Bagi mengelakkan keraguan, anda bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut seharusnya dianggap sebagai telah digabungkan dengan merujuk kepada perjanjian kami dengan anda.
2. Sekiranya anda memberikan maklumat peribadi dan/atau kewangan berkaitan pihak ketiga, termasuk maklumat berkaitan waris terdekat dan tanggungan anda (dimana anda adalah individu) atau maklumat berkaitan pengarah, pemegang saham, pegawai-pegawai, penjamin individu dan penyedia jaminan (di mana anda adalah syarikat), untuk tujuan pembukaan atau operasi akaun/perkhidmatan anda dengan akaun/perkhidmatan dengan kami atau melainkan langganan ke atas produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan, anda:
 - (a) mengesahkan bahawa anda telah memperoleh kebenaran mereka atau selainnya berhak untuk memberikan maklumat ini kepada kami untuk kami gunakan mengikut perjanjian ini.
 - (b) bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan untuk pihak ketiga tersebut adalah tepat;
 - (c) bersetuju untuk memaklumkan kami secara bertulis sekiranya terdapat sebarang perubahan ketara ke atas maklumat peribadi dan kewangan anda.
 - (d) bersetuju dengan hak kami untuk menamatkan perjanjian ini sekiranya kebenaran dikeluarkan oleh salah satu pihak ketiga.
3. Di mana anda mengarahkan kami untuk melaksanakan sebarang bentuk transaksi rentas sempadan (termasuk untuk membuat dan menerima pembayaran), maklumat berkaitan transaksi rentas sempadan (termasuk maklumat berkaitan mereka yang terlibat di dalam transaksi yang dinyatakan) boleh diterima daripada atau dihantar ke luar negara, di mana ia boleh di akses (secara langsung atau tidak langsung) oleh ejen kami di luar negara, pengawal selia luar negara dan/atau pihak berkuasa yang berkaitan dengan tugas-tugas yang sah (seperti: mengelakkan jenayah). Di dalam arahan kepada kami dan/atau ejen kami untuk masuk ke dalam transaksi rentas sempadan bagi pihak anda, anda bersetuju ke atas pendedahan yang dinyatakan di atas bagi pihak diri anda dan lain-lain yang terlibat dengan transaksi rentas sempadan.

4. Disamping itu, tetapi sentiasa tertakluk kepada sebarang undang-undang, (termasuk peraturan-peraturan, garis panduan dan/atau kewajipan) berkaitan dengan Kumpulan AmBank atau MetLife (sama ada di dalam atau luar Malaysia), anda bersetuju bahawa kami, syarikat-syarikat lain di dalam Kumpulan AmBank atau MetLife, dan pedagang kami dan rakan kongsi strategik mungkin akan menghubungi anda berkenaan produk-produk, perkhidmatan-perkhidmatan dan tawaran-tawaran dimana kami percaya mungkin akan menarik minat anda atau bermanfaat kepada anda dari segi kewangan. Kami akan hanya mendedahkan maklumat peribadi anda (dimana tidak akan termasuk maklumat berkaitan dengan urusan atau akaun anda) kepada pedagang kami dan rakan kongsi strategik dimana anda kebenaran lebih jelas terdahulu telah diperolehi dan tertakluk kepada mana-mana undang-undang pada setiap masa (termasuk peraturan-peraturan, garis panduan dan/atau kewajipan) yang terpakai ke atas Kumpulan AmBank atau MetLife (sama ada di dalam dan di luar Malaysia).
5. Kami boleh berkomunikasi dengan anda melalui pelbagai saluran termasuk telefon, emel, mesej elektronik atau bimbit, faksimili atau pos, menggunakan maklumat perhubungan yang telah anda berikan.
6. Anda boleh memberitahu kami pada bila-bila masa jika anda tidak mahu menerima komunikasi pemasaran daripada kami dan/atau pedagang kamu dan rakan perniagaan, dengan menghubungi kami melalui pelbagai saluran yang diberikan dibawah:

Pengurus Pusat Khidmat Pelanggan

Telefon : 1 300 22 9777

Emel : customercare@ammetylifetakaful.com

Alamat : AmMetLife Takaful Berhad, Customer Care Centre, Level 23, Menara
1 Sentrum, No. 201, Jalan Tun Sambanthan, 50470, Kuala Lumpur

7. Arahan bertulis terkini anda kepada kami akan diguna pakai. Anda mengakui bahawa komunikasi tertentu seperti penyata akaun kami kepada anda dan laman web kami mungkin mengandungi maklumat standard berkenaan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang tidak boleh diubah tanpa menjejaskan penghantaran/peruntukan perkhidmatan kami dan/atau produk, operasi akaun dan/atau kemudahan anda dengan kami dan/atau kos-kos tambahan kepada anda.
8. Kami mungkin akan menggunakan agensi laporan kredit untuk membantu membuat keputusan, sebagai contoh apabila kami perlu:
 - (a) memeriksa maklumat di atas permohonan untuk kredit dan kredit-berkaitan atau lain-lain kemudahan;
 - (b) menguruskan kredit dan akaun berkaitan kredit atau kemudahan, termasuk melakukan ulasan ke atas portfolio anda; dan/ atau
 - (c) mendapatkan semula hutang.
9. Anda akan dihubungkan dengan agensi laporan kredit untuk sebarang nama-nama lain yang telah anda gunakan dan sebarang gabungan dan beberapa permohonan. Kami juga berkongsi maklumat tentang anda dan cara pengurusan akaun / kemudahan anda

dengan agensi-agensi laporan kredit yang berkaitan.

10. Walaupun selepas anda telah memberikan kepada kami sebarang maklumat, anda akan diberikan pilihan untuk keluar daripada kebenaran yang diberikan terdahulu. Dalam keadaan itu, anda akan diberikan hak untuk tidak memberikan atau memberhentikan peruntukan untuk sebarang produk, perkhidmatan, akaun dan/atau kemudahan yang dihubungkan dengan maklumat tersebut.
11. Kami berhak untuk meminda fasal ini dari masa ke masa mengikut budi bicara mutlak kami dengan menyediakan notis kepada anda.
12. Fasal ini hendaklah tanpa menjejaskan lain-lain fasal di dalam perjanjian kami dengan anda, yang disediakan untuk pendedahan maklumat.